

29/04/2002

Arafat minta PM serah perutusan kepada Bush

KUALA TERENGGANU, Ahad - Presiden Palestin, Yasser Arafat, meminta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyerahkan perutusan khas kepada Presiden Amerika Syarikat, George W Bush, pada pertemuan mereka, 12 Mei depan.

Duta Besar Palestin, Ahmad Al-Farra, berkata perutusan khas itu dihantar Arafat kepada pejabat kedutaan Palestin di Kuala Lumpur, minggu lalu dan Dr Mahathir pada dasarnya bersetuju menyerahkan perutusan yang antara lain mengandungi harapan rakyat negara itu.

Katanya, pengalaman dan pandangan berani Perdana Menteri yang sering menegur negara lain, terutamanya mengenai isu Palestin, menjadi sanjungan serta harapan rakyat negara itu, khususnya Arafat.

"Pengalaman luas Dr Mahathir menyebabkan rakyat Palestin dan Arafat menaruh harapan tinggi kepadanya untuk menyelesaikan serangan tentera Israel terhadap rakyat Palestin," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan taklimat mengenai Palestin kepada Pengetua Sekolah Menengah Agama Persekutuan di Pejabat Pendidikan Negeri Terengganu, di Jalan Bukit Kecil, di sini, hari ini.

Hadir sama Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu, Razali Ismail; Pengarah Jabatan Hal Ehwal Khas, Kementerian Penerangan Cawangan Terengganu, Datuk Ismail Ali; Setiausaha Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Ismail Said dan Timbalan Ketua Umno Bahagian Kemaman, Ahmad Sabry Chek.

Ahmad berkata, rakyat Palestin dan Arafat juga menaruh keyakinan tinggi kepada Dr Mahathir agar menyelesaikan masalah dan pelbagai tekanan tentera Yahudi dalam pertemuan dengan Bush kelak.

"Hasil pertemuan serta rundingan itu nanti, kami harap Bush dapat melakukan sesuatu dan mengarahkan Yahudi menarik balik tenteranya dari kawasan Palestin.

"Kami tidak sepatutnya membebankan Malaysia untuk menyelesaikan masalah dihadapi Palestin, tetapi Israel bertindak menutup pintu rundingan menyebabkan Arafat terpaksa meminta bantuan Dr Mahathir untuk menyerahkan perutusan khas itu.

"Palestin seharusnya mengadakan rundingan dengan Israel dan Amerika Syarikat sepatutnya memastikan perjanjian diperoleh dan dipatuhi Israel," katanya.

Beliau berkata, sejak tentera Israel melancarkan serangan, lebih 5,000 rakyat, termasuk tentera Palestin hilang.

Sementara itu, Perhimpunan Selamatkan Palestin yang dijadual diadakan di Sekolah Rendah Sultan Sulaiman 1, malam tadi ditangguhkan kerana hujan lebat.

Perhimpunan anjuran Pergerakan Pemuda Umno negeri itu akan diadakan semula dan dijangka dihadiri oleh Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Ahmad.

(END)